




Persepsi Guru Pendidikan Islam (GPI) Terhadap Pendekatan Pengajaran Sirah Di Sekolah Menengah

Nur Saidatul Najihah Mohd Rashid *^a, Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain ^b,
Muhammad Al Afiq Amiruddin ^c

^{a,b,c} Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia

ABSTRAK

Guru merupakan penggerak utama sebagai agen perubahan untuk melahirkan modal insan. Justeru, Guru Pendidikan Islam (GPI) memainkan peranan yang penting dalam melahirkan pelajar seimbang dari sudut ilmu, berakhlak dan berkemahiran dengan menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan mata Pelajaran Sirah hal ini kerana terdapat kajian lepas yang menunjukkan guru masih menggunakan kaedah traditional, tidak disesuaikan dengan pendekatan Penagajaran Abad ke-21 (PAK-21). Oleh itu, kajian ini ingin melihat pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bidang Sirah serta keperluan pembelajaran Sirah dalam kurikulum pendidikan Islam. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap persepsi Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap pendekatan Pengajaran Sirah di Sekolah Menengah. Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kuantitatif melalui instrumen kajian soal selidik yang telah disesuaikan mengikut konteks pengajaran Sirah. Data yang diperoleh adalah daripada responden GPI yang mengajar di sekolah Menengah daerah Johor Bahru. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 29.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran Sirah yang digunakan adalah berdasarkan kepada PAK21 menunjukkan kepada tahap yang tinggi. Namun, terdapat beberapa pendekatan yang bertahap sederhana iaitu pendekatan yang menggunakan media teknologi serta terdapat cadangan kaedah pengajaran Sirah yang sesuai diterapkan dalam memberi kesan penghayatan kepada pelajar.

SEJARAH ARTIKEL

Peroleh 14 Nov, 2024
Semakan 19 Dis, 2024
Terima 05 Feb, 2025

KATA KUNCI

Pendekatan pengajaran Sirah; Guru; Pendidikan Islam

Perceptions of Islamic Education Teachers (GPI) on the Teaching Approaches of Sirah in Secondary Schools

ABSTRACT

Teachers serve as the primary drivers of change, acting as agents to develop human capital. Therefore, Islamic Education Teachers (IET) play a crucial role in producing well-rounded students in terms of knowledge, character, and skills by employing appropriate approaches to the subject of Sirah. This is because previous studies have shown that teachers still rely on traditional methods that are not aligned with 21st Century Teaching Approaches (PAK-21). Hence, this study aims to examine the teaching and learning approaches (T&L) in the field of Sirah as well as the need for Sirah education in the Islamic education curriculum. The objectives of this study are to identify the perception levels of Islamic Education Teachers (IET) toward Sirah teaching approaches in secondary schools. The methodology employed is a quantitative approach using a survey instrument tailored to the context of Sirah teaching. Data was collected from IET respondents teaching in secondary schools in Johor Bahru. Data analysis was conducted using IBM SPSS Statistics version 29.0. The findings reveal that the Sirah teaching approaches implemented based on PAK-21 demonstrate a high level of effectiveness. However, certain approaches, such as those incorporating technological media, are at a moderate level. The study also provides suggestions for suitable Sirah teaching methods that can enhance students' appreciation and understanding of the subject.

ARTICLE HISTORY

Received 14 Nov, 2024

Revised 19 Dis, 2024

Accepted 05 Feb, 2025

KEYWORDS

Teaching Approach for Sirah; Teacher; Islamic Education

1. Pengenalan

Pendidikan Islam bertujuan melahirkan individu Muslim yang berilmu, beriman, berakhlak mulia dan beramal soleh, dengan asas yang kuat bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah (Mohd Syaubari, 2017). Melalui pendidikan sedari awal usia, lahirlah generasi yang taat beribadah kepada Allah SWT dan mampu memikul tanggungjawab sebagai khalifah, menyumbang kepada pembangunan tamadun bangsa dan negara. Matlamat ini tercermin dalam Falsafah Pendidikan Islam, yang menekankan penyebaran ilmu dan penghayatan Islam untuk membentuk akhlak, kemahiran dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang berperanan dalam menyumbang bakti semula kepada masyarakat dan mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat (KPM, 1992).

Salah satu bidang penting dalam Pendidikan Islam ialah bidang sirah, iaitu pengajaran sirah berdasarkan kisah dan perjalanan hidup Rasulullah SAW serta para sahabatnya. Sirah atau Sejarah Islam ini bukan sekadar naratif, tetapi mengandungi ibrah pengajaran yang penting untuk memberi kefahaman dan membentuk peribadi pelajar yang berakhlak dan mempunyai kepimpinan Islam (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2021; Muhammad Talhah, 2022). Dengan memahami dan menghayati sirah, pelajar berpotensi untuk membina keperibadian yang unggul dan akhlak yang bertepatan dengan Islam, sebagaimana yang disarankan oleh tokoh-tokoh seperti Imam Ibnu Hazm (1923) bahawa:

“Sesungguhnya sirah Muhammad SAW bagi yang merenunginya, pasti akan terarah kepada kewajipan beriman dan percaya kepadanya, mengakui bahawa beliau adalah benar-benar Rasulullah SAW (utusan Allah SWT), bahkan seandainya beliau tidak memiliki mukjizat melainkan sejarah perjalanannya, nescaya itu sudah cukup baginya.”

Namun begitu, penghayatan terhadap Sirah ini masih kurang kerana pengajaran sirah masih berdepan beberapa cabaran dalam pelaksanaannya di peringkat sekolah menengah. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengajaran Pendidikan Islam sering terikat dengan pendekatan tradisional (Nahi, 2018; Husna *et al.*, 2018; Muhammad Talhah, 2022; Muhammad Talhah, 2023) seperti penggunaan papan tulis dan buku teks sepenuhnya, dengan aplikasi teknologi dan kemahiran pengajaran yang fleksibel masih terbatas. Selain itu, tahap kesediaan dan penguasaan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran sirah dilaporkan sederhana, yang boleh menjejaskan minat dan kefahaman pelajar (Sapie Sabilan *et al.*, 2022). Bahkan, kajian terkini oleh Muhammad Talhah *et al.*, (2024) mendapati, guru kurang melibatkan pelajar untuk konsisten berfikir secara aras tinggi sepanjang PdPc ketika mengajar bidang Sirah.

Isu-isu ini menekankan kepentingan penelitian mendalam terhadap pelaksanaan pengajaran sirah oleh GPI. Kajian ini bertujuan mengkaji persepsi GPI mengenai pendekatan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran sirah di sekolah menengah, serta mengkaji hubungan antara pengalaman mengajar, latar belakang pendidikan dan kelayakan akademik dalam pelaksanaan pengajaran tersebut. Dengan mengenalpasti halangan dan peluang dalam pengajaran sirah, kajian ini berhasrat untuk memperkukuhkan pendekatan yang lebih efektif dalam Pendidikan Islam, sejajar dengan keperluan pendidikan abad ke-21

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang terdiri daripada 29 item yang diukur dengan menggunakan skala likert 5 mata. Item-item yang digunakan di dalam soal selidik ini. Kajian ini memfokuskan sampel kajian seramai 36 orang responden dengan meneliti jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak berstrata daripada 41 orang guru. Maklumat ini diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri, Sektor Pendidikan Islam yang dikemaskini sehingga 8 Disember 2023. Kajian menumpukan guru pendidikan Islam sahaja bagi menghasilkan data yang berkualiti bagi menjawab persoalan tentang tahap persepsi GPI terhadap pendekatan pelaksanaan pengajaran Sirah di sekolah menengah di Skudai. Manakala, soal selidik dianalisis pula menggunakan aplikasi IBM SPSS versi 29.

3. Dapatan Kajian

Analisis Deskriptif: Bahagian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian, iaitu tahap Persepsi Guru Terhadap pendekatan Pengajaran Sirah di Sekolah Menengah Laporan analisis keputusan dipaparkan dalam bentuk min dan sisihan piawai serta mengikut interpretasi skor min seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.0.

Jadual 1.0 Interpretasi Skor Min

Skor Purata	Interpretasi
1.00-1.89	Sangat Rendah
1.90-2.69	Rendah
2.70-3.49	Sederhana
3.50-4.29	Tinggi
4.30-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006) Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Kuala Lumpur

Jadual 2.0 Persepsi Guru Terhadap Pendekatan Pengajaran Sirah Di Sekolah Menengah

Item	Pernyataan	Min	SP
B1	Saya menyoal murid di awal pengajaran tentang sirah Nabi Muhammad SAW.	4.40	.724
B2	Saya menggunakan video di awal pengajaran tentang sirah Nabi Muhammad SAW.	3.50	1.009
B3	Saya membuat perancangan pengajaran dengan menentukan isi kandungan pengajaran Sirah.	4.57	.568
B4	Saya menyediakan nota kuliah untuk pengajaran sirah supaya dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran.	4.17	.648
B5	Saya percaya kreativiti dalam pengajaran sirah penting.	4.67	.479
B6	Saya percaya bahawa mengaitkan kisah Sirah dengan kehidupan adalah penting dalam pengajaran Sirah.	4.57	.504
B7	Saya percaya bahawa menggunakan cara penyampaian intonasi suara adalah penting dalam pengajaran Sirah.	4.50	.630
B8	Saya percaya bahawa menggunakan cara penyampaian gaya badan adalah penting dalam pengajaran Sirah.	4.23	.858
B9	Saya percaya bahawa menggunakan cara penyampaian eksperesi muka adalah penting dalam pengajaran Sirah.	4.23	.728
B10	Saya percaya bahawa teknik penceritaan tanpa BBM dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran Sirah.	2.93	1.285
B11	Saya percaya bahawa teknik bercerita dengan menggunakan BBM dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran Sirah.	4.67	.479
B12	Saya menggunakan teknologi dalam pengajaran Sirah.	4.07	.785
B13	Saya menggunakan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sirah untuk menarik minat pelajar terhadap subjek Sirah.	4.10	.803
B14	Saya menggunakan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sirah supaya dapat memberikan kefahaman kepada pelajar.	4.13	.681
B15	Saya menggunakan aplikasi Quizizz dalam pengajaran Sirah supaya dapat meningkatkan minat pelajar.	3.80	1.031
B16	Saya menggunakan elemen multimedia dalam pengajaran Sirah supaya dapat menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih efektif.	4.03	.850
B17	Saya menggunakan aplikasi Kahoot! dalam pengajaran Sirah supaya dapat membantu meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam menjawab soalan fakta.	3.17	1.117
B18	Saya menggunakan teknik Fan-N-Pick dalam pengajaran Sirah supaya dapat meningkatkan interaksi positif antara murid.	3.40	1.192

B19	Saya menggunakan teknik Fan-N-Pick supaya dapat membina kerja berkumpulan.	3.50	1.167
B20	Saya menggunakan teknik Fan-N-Pick supaya dapat memberi ilmu pengetahuan dalam pembelajaran Sirah.	3.40	1.133
B21	Saya menggunakan teknik perbincangan kumpulan dalam pengajaran Sirah kerana lebih berkesan berbanding pembelajaran secara individu	4.13	.571
B22	Saya menggunakan teknik pembelajaran koperatif supaya dapat meningkatkan interaksi sosial pelajar.	4.17	.648
B23	Saya percaya teknik pembelajaran koperatif dapat meningkatkan kefahaman pelajar.	4.20	.664
B24	Saya menggunakan teknik simulasi dalam pengajaran Sirah supaya dapat mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif.	3.73	.785
B25	Saya menggunakan teknik Mnemonik (akronim) dalam pengajaran Sirah kerana dapat membantu pelajar mengingat dengan lebih mudah.	3.63	.928
B26	Saya mengetahui secara terperinci penyediaan teknik Mnemonik (akronim) yang digunakan dalam pengajaran Sirah.	3.47	.973
B27	Saya menggunakan teknik garis masa (timeline) dalam pengajaran Sirah supaya dapat membantu pelajar memahami kronologi peristiwa sejarah dengan lebih baik.	4.07	.785
B28	Saya menggunakan teknologi Augmented Reality (AR) dalam pengajaran Sirah supaya dapat memberikan gambaran sebenar yang lebih mendalam.	3.07	1.081
B29	Saya percaya bahawa teknik syarahan adalah penting untuk penerangan dalam pembelajaran Sirah.	3.83	.834

N = 36

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian secara terperinci berkaitan persepsi GPI terhadap pendekatan sirah di sekolah menengah. Secara keseluruhannya, persepsi guru terhadap pendekatan yang digunakan dalam pengajaran sirah oleh GPI adalah sederhana tinggi kerana mempunyai banyak skor min 3.60 ke atas dengan sisihan piawai 0.5 ke atas. Antara item yang memperoleh skor nilai min yang tinggi ialah berkaitan dengan teknik yang digunakan di awal waktu pembelajaran. Item B1 "Saya menyoal murid di awal pengajaran tentang sirah Nabi Muhammad SAW." memperoleh nilai (skor min =4.40, sisihan piawai =0.72). Item B2 "Saya menggunakan video di awal pengajaran tentang sirah Nabi Muhammad SAW" memperoleh nilai (skor min =3.50, sisihan piawai =2.00). Item B3 "Saya membuat perancangan pengajaran dengan menentukan isi kandungan pengajaran Sirah." memperoleh nilai (skor min =4.57, sisihan piawai =0.56). Item B4 "Saya menyediakan nota kuliah untuk pengajaran sirah supaya dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran." memperoleh nilai (skor min =4.17, sisihan piawai = 0.65. Hal ini menunjukkan bahawa di awal permulaan pembelajaran perlunya kepada pelaksanaan teknik yang bersesuaian.

Selain itu, kreativiti GPI dalam melaksanakan pengajaran sirah juga sangat penting untuk menjamin keberkesanan PdP yang dilaksanakan. Item B5 "Saya percaya kreativiti dalam pengajaran sirah penting." memperoleh nilai (skor min =4.67, sisihan piawai =0.48). Item B6 "Saya percaya bahawa mengaitkan kisah Sirah dengan kehidupan adalah penting dalam pengajaran Sirah" memperoleh nilai (skor min =4.57, sisihan piawai =0.50). Item B7 "Saya percaya bahawa menggunakan cara penyampaian intonasi suara adalah penting dalam pengajaran Sirah." memperoleh nilai (skor min =4.50, sisihan piawai =0.63). Item B8 "Saya percaya bahawa menggunakan cara penyampaian gaya badan adalah penting dalam pengajaran Sirah" memperoleh nilai (skor min =4.23, sisihan piawai 0.63). Item B9 "Saya percaya bahawa menggunakan cara penyampaian ekspresi muka adalah penting dalam pengajaran Sirah" memperoleh nilai (skor min =4.23, sisihan piawai 0.73) dan Item B11 "Saya percaya bahawa teknik bercerita dengan menggunakan BBM dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran Sirah" memperoleh nilai (skor

min =5.67, sisihan piawai =0.48). Ha ini menunjukkan bahawa teknik yang kreatif mengikut kreativiti GPI sangat digalakkan dalam pelaksanaan pengajaran Sirah di sekolah menengah.

Seterusnya, penggunaan teknologi dalam PdP juga merupakan teknik yang penting yang perlu digunakan oleh GPI ketika pelaksanaan pengajaran sirah di dalam kelas. Item B12 "Saya menggunakan teknologi dalam pengajaran Sirah" memperoleh nilai (skor min =4.07, sisihan piawai =0.79). Item B13 "Saya menggunakan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sirah untuk menarik minat pelajar terhadap subjek Sirah" memperoleh nilai (skor min =4.10, sisihan piawai =0.80). Item B14 "Saya menggunakan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sirah supaya dapat memberikan kefahaman kepada pelajar" memperoleh nilai (skor min 4.13, sisihan piawai =0.68). Item B15 "Saya menggunakan aplikasi Quizizz dalam pengajaran Sirah supaya dapat meningkatkan minat pelajar" memperoleh nilai (skor min =3.80, sisihan piawai 1.03). Item B16 "Saya menggunakan elemen multimedia dalam pengajaran Sirah supaya dapat menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih efektif" memperoleh nilai (skor min =4.03, sisihan piawai =0.85). Item B19 "Saya menggunakan teknik Fan-N-Pick supaya dapat membina kerja berkumpulan" memperoleh nilai (skor min =3.50, sisihan piawai =1.17). Hal ini menunjukkan bahawa teknik-teknik yang berunsurkan teknologi banyak digunapakai oleh GPI untuk menarik minat pelajar.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa teknik berkumpulan merupakan salah satu teknik yang digunakan oleh GPI di sekolah. Item B21 "Saya menggunakan teknik perbincangan kumpulan dalam pengajaran Sirah kerana lebih berkesan berbanding pembelajaran secara individu" memperoleh nilai (skor min =4.13, sisihan piawai =0.57). Item B22 "Saya menggunakan teknik pembelajaran koperatif supaya dapat meningkatkan interaksi sosial pelajar" memperoleh nilai (skor min 4.17, sisihan piawai =0.57). Hal ini menunjukkan bahawa teknik perbincangan berkumpulan adalah salah satu teknik dalam pelaksanaan pengajaran sirah.

Berikutnya antara teknik yang sesuai dalam pelaksanaan pengajaran sirah mengikut persepsi GPI adalah teknik simulasi, item B24 "Saya menggunakan teknik simulasi dalam pengajaran Sirah supaya dapat mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif" memperoleh nilai (skor min =3.73, sisihan piawai =0.79), teknik Mnemonik, item B25 "Saya menggunakan teknik Mnemonik (akronim) dalam pengajaran Sirah kerana dapat membantu pelajar mengingat dengan lebih mudah" memperoleh nilai (skor min =3.63, sisihan piawai =0.93). Penggunaan teknik garis masa, item B27 "Saya menggunakan teknik garis masa (timeline) dalam pengajaran Sirah supaya dapat membantu pelajar memahami kronologi peristiwa sejarah dengan lebih baik" memperoleh nilai (skor min =4.07, sisihan piawai =0.79). Persepsi GPI terhadap pelaksanaan pengajaran sirah menggunakan teknik syarahan, item B29 "Saya percaya bahawa teknik syarahan adalah penting untuk penerangan dalam pembelajaran Sirah" memperoleh nilai (skor min =3.83, sisihan piawai =0.83). Hal ini menunjukkan bahawa GPI bersetuju bahawa pelaksanaan pengajaran sirah di sekolah menengah memerlukan kepada kepelbagaian teknik PdP.

Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendapati terdapat skor min yang berada pada tahap sederhana iaitu di Item B10 "Saya percaya bahawa teknik penceritaan tanpa BBM dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran Sirah" memperoleh nilai (skor min =2.93, sisihan piawai =1.29). Item B17 "Saya menggunakan aplikasi Kahoot! dalam pengajaran Sirah supaya dapat membantu meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam menjawab soalan fakta" memperoleh nilai (skor min =3.17, sisihan piawai =1.11). Item B18 "Saya menggunakan teknik Fan-N-Pick dalam pengajaran Sirah supaya dapat meningkatkan interaksi positif antara murid" memperoleh nilai (skor min =3.40, sisihan piawai =1.19).

Berikutnya, item B20 "Saya menggunakan teknik Fan-N-Pick supaya dapat memberi ilmu pengetahuan dalam pembelajaran Sirah" memperoleh nilai (skor min =3.40, sisihan piawai =1.13). Item B26 "Saya mengetahui secara terperinci penyediaan teknik Mnemonik (akronim) yang digunakan dalam pengajaran Sirah" memperoleh nilai (skor min =3.47, sisihan piawai =0.97). Item B28 "Saya menggunakan teknologi Argumented Reality (AR) dalam pengajaran Sirah supaya dapat memberikan gambaran sebenar yang lebih mendalam" memperoleh nilai (skor min =3.07, sisihan piawai =1.08). Jadual 4.2 merupakan Persepsi Guru Terhadap pendekatan Pengajaran Sirah Di Sekolah Menengah dengan lebih jelas.

4. Perbincangan dan Implikasi

Penggunaan pendekatan pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu elemen yang sangat penting dan perlu difikirkan oleh setiap guru terutamanya GPI yang merupakan responden bagi kajian ini. Hal ini kerana penggunaan pendekatan yang bersesuaian memberi kesan dan memastikan kualiti pengajaran lebih menarik dan berkesan. Keseluruhan dapatan analisis deskriptif bagi menjawab objektif yang pertama berdasarkan kepada dapatan hasil kajian persepsi guru terhadap teknik-teknik pelaksanaan pengajaran sirah menunjukkan skala tinggi (min = 3.9). Dapatan ini selari dengan kajian yang ditulis oleh Hayder Hakim, (2023) kaedah pengajaran merangkumi pelbagai strategi dan teknik yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan pengetahuan serta memudahkan proses pembelajaran. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perlunya kepada kreativiti dalam mempelbagaikan penggunaan teknik-teknik dalam pelaksanaan pengajaran sirah.

Antara teknik yang diketengahkan adalah berkaitan teknik penceritaan tanpa bahan bantu mengajar kerana memperoleh skor min yang sederhana iaitu 2.93. Hasil dapatan kajian ini disokong dengan kajian yang ditulis oleh Mohd Shahrani & Mohamad Khairi (2023) yang mengatakan bahawa kaedah tradisional yang hanya berpusatkan guru tidak sesuai dengan keperluan pelajar pada masa kini. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden berpandangan bahawa perlunya kepada pertolongan bahan bantu mengajar dalam penggunaan teknik pengajaran. Hal ini kerana, dapatan hasil kajian bagi teknik penceritaan dengan bahan bantu mengajar mendapat keputusan majoriti daripada responden yang bersetuju terhadap penggunaan BBM.

Teknik penceritaan yang bersifat tradisional masih relevan untuk digunakan, namun begitu perlunya kepada bantuan BBM untuk memastikan ketidakbosanan pelajar ketika sesi PdP berlangsung. BBM seperti gambar, video, dan audio yang dapat membantu memberikan gambaran konsep yang kompleks dalam Sirah dan membuat pengajaran lebih menarik dan mudah difahami. Hal ini dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan memastikan pelajar tidak merasa bosan semasa PdP berlangsung. Kajian lain juga menyokong bahawa penggunaan multimedia dalam pengajaran dapat meningkatkan penglibatan dan motivasi pelajar (Saidin et al., 2023).

Berikutnya, pendekatan menggunakan Aplikasi Kahoot!. Aplikasi kahoot! merupakan antara salah satu perisian yang digunakan dalam sektor pendidikan. Namun begitu, kebanyakan GPI di sekolah menengah di Skudai tidak menggunakan aplikasi ini kerana setiap guru mempunyai tahap pengalaman yang berbeza dalam penggunaan perisian teknologi. Sesetengah guru mungkin tidak merasa selesa atau mahir menggunakan aplikasi ini, yang boleh menyebabkan penurunan dalam keyakinan mereka terhadap keberkesanannya. Walaupun kahoot ini merupakan antara perisian yang boleh membantu GPI dalam pelaksanaan pengajaran sirah yang dikatakan oleh Abdul Hadi & Zamree (2020) dalam kajian mereka, namun berdasarkan hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kahoot! masih berada di tahap yang sederhana. Hal ini juga mengambil kira faktor kemudahan teknologi yang tidak mencukupi seperti sambungan internet yang kurang stabil dan peranti digital yang tidak mencukupi menyebabkan guru mungkin menghadapi kesukaran untuk mengaplikasikan Kahoot! secara efektif dalam pengajaran. Hal ini boleh menyebabkan penurunan dalam penilaian mereka terhadap aplikasi ini.

Teknik Fan-N-Pick pula merupakan salah satu teknik yang dikhususkan dibawah pendekatan kooperatif. Teknik ini adalah berpusatkan kepada pelajar secara konsisten. Teknik ini diketengahkan dalam perbincangan kerana penggunaan teknik ini dalam pelaksanaan pengajaran sirah oleh GPI adalah di tahap yang sederhana (min = 3.40) menyebabkan perlunya kepada perbincangan yang lebih mendalam. Disebabkan oleh banyaknya teknik kooperatif yang boleh digunakan dalam pelaksanaan pengajaran sirah menjadikan Penguasaan dan kefahaman guru terhadap teknik Fan-N-Pick mungkin berbeza-beza. Sesetengah GPI mungkin mahir dalam menggunakan teknik ini, sementara yang lain mungkin menggunakan teknik kooperatif yang berbeza. Walaupun begitu, hasil dapatan ini menunjukkan bahawa perlunya kepada pendekatan yang menggabungkan elemen komunikasi, pemikiran kreatif walaupun tidak menggunakan teknik Fan-N-Pick secara khusus. Hal ini disokong dengan kajian Abdul Rasid et al., (2016) yang mengatakan bahawa pentingnya kepada teknik kreatif dan kritis supaya selaras dengan PAK21 yang mempunyai elemen penting dan memberikan suasana pembelajaran yang menarik.

Pengetahuan terperinci mengenai teknik mnemonik (Akronim), Penggunaan teknik Mnemonik juga merupakan salah satu teknik yang diketengahkan kerana dapatan hasil kajian yang sederhana (min = 3.47) yang

memerlukan kepada perbincangan lanjutan. Walaupun penggunaan teknik ini berada di tahap yang sederhana, namun kebanyakan daripada GPI menggunakan teknik ini cuma pemahaman dan pengetahuan terhadap teknik mnemonik ini masih ramai yang tidak mengetahuinya. Teknik mnemonik ini mampu memberikan kemudahan dalam mengingat fakta yang panjang menggunakan akronim di awal perkataan atau sebagainya seperti yang diterangkan oleh Bellezza (1981) tentang penggunaan teknik mnemonik. Hal ini menyebabkan kepada masa yang diambil untuk menyediakan teknik mnemonik ini sangat kompleks kerana memerlukan kepada tahap kreativiti GPI yang sangat tinggi bagi mencipta satu akronim yang baru. Tidak semua guru mungkin mempunyai kemahiran atau masa yang cukup untuk mencipta mnemonik yang efektif dan mudah diingat oleh pelajar. Walaupun teknik ini memberikan kemudahan kepada pelajar, namun perlunya kepada latihan yang khusus untuk memastikan akronim yang dihasilkan benar-benar membantu dalam mengingat maklumat.

Penggunaan Teknologi Augmented Realiti (AR) merupakan salah satu teknik dalam penggunaan teknologi dapat membantu pelaksanaan pengajaran sirah. Dapatan hasil yang sederhana (min = 3.07) menunjukkan perlunya kepada kefahaman yang lebih tentang AR supaya dapat digunakan secara meluas di dalam bidang pendidikan. Hal ini disokong oleh kajian Amirah (2022) yang menyatakan bahawa AR dalam pengajaran sirah dapat membuatkan pembelajaran lebih menarik. Hal ini kerana, pelajar dapat melihat gambaran tentang peristiwa sirah Nabi SAW dengan lebih jelas. Penggunaan AR dalam pendidikan telah menunjukkan potensi untuk meningkatkan keterlibatan dan pemahaman pelajar melalui pengalaman belajar yang lebih interaktif dan visual. Namun begitu tidak semua GPI mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknologi selaras dengan perkembangan teknologi masa kini. Menggunakan AR memerlukan kefahaman yang mendalam tentang teknologi serta cara-cara mengaplikasikannya dalam pembelajaran. Oleh itu, penggunaan AR memberi peluang kepada sekolah yang mempunyai sumber dan infrastruktur teknologi yang mencukupi dan lengkap untuk digunakan dalam pengajaran. Namun, terdapat sekolah yang mempunyai kemudahan teknologi yang terhad mengalami cabaran untuk mengaplikasikannya.

5. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, Kajian ini telah memberi gambaran berkaitan pendekatan pengajaran sirah yang digunakan oleh GPI di sekolah menengah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kefahaman guru terhadap penggunaan kepelbagaian teknik PAK21 berada pada tahap yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil dapatan kajian menunjukkan kecenderungan GPI terhadap penggunaan pendekatan atau teknik PAK21 yang pelbagai dan kreatif mengikut kesesuaian. Penggunaan teknik yang pelbagai dapat menghasilkan kualiti yang berkesan dalam pelaksanaan pengajaran sirah di sekolah menengah. Oleh itu, dalam pelaksanaan pengajaran sirah, penggunaan teknik PAK21 tidak hanya relevan tetapi juga memberikan pengalaman pendidikan secara realiti kepada pelajar. GPI yang mampu mengaplikasikan teknik ini dengan baik dapat memberikan sumbangan yang besar dalam mengembangkan kefahaman agama dan nilai-nilai murni kepada generasi muda yang semakin meningkat dewasa. Kesimpulan kajian ini menegaskan pentingnya untuk terus mengembangkan diri dalam kemahiran penggunaan teknologi dan inovasi dalam pelaksanaan pengajaran Sirah di sekolah menengah seiring dengan perkembangan dunia pendidikan pada masa kini serta kaedah mnemonok (akronim) boleh lebih dikuasai oleh guru bagi membantu pelajar mengingat dan belajar Sirah dengan seronok. Selain itu, pengajaran Sirah secara traditional tetap diperlukan agar guru mampu menghala pelajar dengan fakta sirah yang tepat cuma perlu diadunkan dengan pendekatan lain agar pembelajaran sirah menjadi seronok dan mampu dihati lebih.

Rujukan

- Abdul Hadi Bakar & Zamree Mustapha. (2020). Penggunaan Aplikasi Kahoot dalam Meningkatkan Pembelajaran Peribahasa. Seminar Bahasa Melayu 2020. <https://mlcs.moe.edu.sg/files/mlcs-sbm-2020-paper22.pdf>
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1): 39- 45
- Amirah Syafiqah Anuar, K. A. (2022). Penggunaan "Augmented Reality" di dalam pengajaran sirah. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 56-67.

- Bellezza, F. S. (1981). Mnemonic devices: Classification, Characteristics and criteria. *Review of Educational Research*, 51(2), 247–275.
- Hayder Hakim Abd Al Khadhim. (2023). The Impact of Teaching Methodology on Quality Learning. *International Journal of Research in Social Sciences & Humanities*, 13(02), 702-708. <https://doi.org/10.37648/ijrssh.v13i02.058>
- Ibn Hazm. (1982). *Al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, 2, 209. Beirut: Dar al-Jil
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1992). *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mohd Shahrani Muhamad Zaidi & Mohamad Khairi Haji Othman. (2023). The Challenge of Islamic Education Teachers of The Standard Secondary School Curriculum (KSSM). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8(50), 508-521. <https://doi.org/10.35631/ijepc.850036>
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh (2021). Pandangan al-Nadwi Tentang Kepentingan al-Sirah al-Nabawiyah dalam Pendidikan Kanak-Kanak. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 227–242. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.97> Universiti Sains Islam Malaysia, pp. 92-102. e-ISBN: 978-967-440-595-3
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menerusi Kaedah Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), pp. 42-53.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Muhammad Faris Faisal Ahmad Raddi, Nur Najwa Hanani Abd Rahman. (2024). Cabaran Pengajaran Bidang Sirah bagi Guru Pelatih Pendidikan Islam. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6; 528-535.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain. (2022). Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Sirah terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Tesis Doktor Falsafah. UTM.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain. (2023). Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Sirah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah-TAMU*, 9(2), 128-138.
- Nahi Abdullah. (2018). Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran Berkesan dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. Tesis. Falkuti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia
- Nor Husna Jamil, Hasanah Abd Khafidz & Khazri Osman. (2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Tadzakkur. Seminar Serantau Pendidikan Tinggi Islam (SEIPTI 2018). Diterbitkan di Malaysia oleh, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.
- Saidin, N. F., Bukhari, N. A. M., & Yue, W. S. (2023). Penggunaan Teknologi Multimedia Terhadap Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. *Isu Dalam Pendidikan*, 46; 44-57
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip, Suziana Hanini Sulaiman, Shazarina Zdainal Abidin. (2022). Tahap Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Melaksanakan Pembelajaran Teradun Berasaskan Kemahiran Teknologi. https://Conference.Kuis.Edu.My/Ispen/Wpcontent/Uploads/2023/01/Ispen_Pro siding_07.Pdf

Penafian/Nota Penerbit: Pernyataan, pendapat dan data yang terkandung di dalam semua penerbitan hanya sanya dihasilkan oleh para penulis dan penyumbang dan bukannya daripada RISE dan/atau para editornya. RISE dan/atau para editornya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan yang berlaku pada orang atau harta benda yang berpunca daripada mana idea, metode, arahan atau produk yang dirujuk daripada kandungan yang dinyatakan di dalam manuskrip.